

Bab 4

Interaksi dan Integrasi Antara Peradaban

4.1. Pengenalan.

Dari segi perkembangan dan kemajuan tamadun, Asia Tenggara mengalami perubahan yang ketara antara abad ke-13 dan abad ke-17. Keruntuhan sistem perdagangan Srivijaya pada abad ke-13, membuka era perdagangan baru di rantau tersebut. Sebagai gantinya, muncullah beberapa entrepot, kecil dan besar, dimerata tempat di rantau itu seperti Pattani, Samudera-Pasai, Majapahit, Melaka dan Johor. Kebanyakan entrepot itu bukan sahaja mampu menyediakan kemudahan pertukaran barang dagangan seperti zaman dahulu tetapi juga menjadi pusat penyimpanan segala bekalan dan permintaan barang dagangan tempatan dan antara bangsa. Oleh sebab itu entrepot-entrepot tersebut perlu menentukan kuasa dan kawalan mereka terhadap segala hasil pertanian dan perhutanan yang dikehendaki dalam pasaran dunia ketika itu (Kobkua Suwannathat-Pian, 1997:16). Contoh yang jelas ialah Melaka yang diasaskan pada awal abad ke-15. Melaka melambangkan entrepot baru yang muncul setelah keruntuhan Srivijaya.

Sesuai dengan kedudukannya sebagai sebuah pelabuhan entrepot, maka Melaka mestilah dapat mengekalkan keamanan dan kestabilan politik di kawasan sekitarnya, khususnya di Tanah Melayu dan

pantai sebelah timur Sumatera yang menghadap ke Selat Melaka dan kota Melaka. Selain menakluk negeri-negeri kecil yang terdapat di Tanah Melayu dan Sumatera, Melaka menguasai pemikiran orang-orang Melayu melalui cerita-cerita mitos dan legenda yang cuba mengagung-agungkan kewibawaan raja-raja Melaka. Justeru itu dalam bab ini pengkaji akan cuba membincangkan beberapa aspek yang berhubung dengan mitos, legenda dan fungsi-fungsinya. Pengkaji juga akan melihat kesannya dari sudut interaksi dan integrasi antara peradaban yang berlaku di Melaka.

4.2. Asal-usul Raja-raja Melayu Melaka.

Maka sahut seorang dalam tiga itu, 'Adapun nama kami dan bangsa kami bukannya daripada bangsa jin atau peri. Bahwa kami ini bangsa manusia; asal kami daripada anak cucu Raja Iskandar Zulkarnain, nisab kami daripada Raja Nusyirwan Adil, raja masyrik dan maghrib, dan pancar kami daripada Raja Sulaiman alaihis salam, dan nama kami seorang ini Nila Pahlawan, dan yang seorang ini Kerisyna Pandita, dan yang seorang Nila Utama; dan pedang kami ini Corek Mandang Kini namanya, dan lembing ini Lembuara namanya, yang satu ini cap kayu Kempa namanya, dan apabila memberi surat pada raja-raja cap inilah dicapkan.' (Shellabear.1983:18)

Berdasarkan petikan di atas, Tun Seri Lanang telah menggunakan mitos sebagai alat untuk menerangkan asal-usul raja-raja Melaka. Raja-raja Melaka dikatakan berasal daripada keturunan Raja Iskandar Zulkarnain, raja yang berasal dari Makadunia. Baginda dikenali sebagai Raja Yang Agung (*Alexander The Great*) yang dipercayai hidup sebelum

Masihi. Tun Seri Lanang mungkin telah membaca atau sekurang-kurangnya pernah mendengar legenda mengenai Iskandar Zulkarnain yang dibawa oleh mubaligh-mubaligh Islam dari Arab.

Raja Iskandar Zulkarnaian dikatakan raja yang bertanggungjawab menyebarkan agama Islam yang dibawa oleh Nabi Ibrahim di benua Hindi melalui perkahwinannya dengan Tuan Puteri Syahrul Bariyah, puteri Kida Hindi. Kedudukan Raja Iskandar Zulkarnain sebagai raja besar dan raja yang dipilih oleh Tuhan telah diumumkan oleh Nabi Khidir s.a.¹ Hasil perkahwinan baginda tersebut, titisannya yang menjadi raja di Melaka.

Untuk memperlihatkan keturunan Raja Iskandar Zulkarnain ini berdaulat, maka diperlihatkan unsur-unsur ajaib dan kesaktian yang ada pada beberapa tokoh seperti:

a. **Raja Suran.**

Bukan sahaja berjaya memperluaskan pengaruhnya di muka bumi ini, malah baginda telah memasuki dunia dalam laut dan berkahwin pula dengan manusia dalam laut iaitu Tuan Puteri Mahtabul Bahri. Hasil perkahwinan tersebut, baginda memperoleh tiga orang putera yang kemudiannya menjelma di Bukit Seguntang.

b. **Sang Sapurba**

Ketiga-tiga putera Raja Suran setelah dewasa menjelma di Bukit Seguntang. Sang Sapurba atau dikenali juga sebagai Nila Utama, merupakan salah seorang putera Raja Suran yang turut sama menjelma di Bukit Seguntang. Semasa penjelmaan tersebut berlakulah perubahan alam seperti malam gelap bertukar menjadi terang benderang, padi bertukar menjadi emas, daun menjadi perak dan seterusnya. Selain perubahan alam itu sebagai tanda mereka adalah putera-putera raja yang berdaulat, mereka juga membawa peralatan diraja seperti cap kayu kempa dan pedang corek si mandang kini.

c. **Sultan Mansur Syah.**

Pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka dikatakan telah sampai ke puncaknya ketika pemerintahan Sultan Mansur Syah. Selain mempunyai jajahan takluk yang luas, kekuasaan baginda diiktiraf oleh kuasa-kuasa besar ketika itu. Selain mengadakan hubungan diplomatik Sultan Mansur Syah beristerikan seorang puteri raja China dan puteri Majapahit. Oleh kerana terlalu tinggi daulatnya, maka raja China mendapat kedal apabila menerima kiriman sembah daripada Sultan Mansur Syah.

4.3 Kota Melaka.

Salah satu faktor penting yang membawa kepada pembentukan sesebuah tamadun dan muncul sebagai sebuah tamadun yang gagah, adalah faktor *assabiyah* dan memenuhi konsep *saadah* seperti yang diperkatakan oleh Ibn Khaldun dan al-Farabi. Menurut Ibn Khaldun, manusia adalah binatang sosial, ini kerana:

- a. Manusia tidak boleh hidup secara bersendirian, mesti hidup secara berkumpulan.
- b. Manusia perlu memenuhi kehendak-kehendak semula jadinya seperti berkahwin dan memiliki keluarga.
- c. Manusia adalah lemah dan tidak dapat melindungi dirinya secara bersendirian.
- d. Manusia perlu hidup secara berkumpulan. Sistem sosial beginilah yang menjadi asas tamadun.²

Menurut Ibn Khaldun, *assabiah* bermaksud setiap anggota-anggotanya saling menyayangi dan sanggup berjuang serta rela terkorban demi menjaga kepentingan bersama (Ibn Khaldun, 1995:139).

Beliau menjelaskan;

"Apabila pimpinan seseorang ahli keluarga itu telah didapati layak untuk mempergunakan hak kedaulatannya di dalam sesebuah kerajaan, dan apabila (kedaulatan kuasa itu) diwarisi keturunannya demi keturunan, dan melalui dinasti yang silih berganti keadaannya yang mula akan dilupakan, dan ahli-ahli keluarga itu dilihat dengan jelas sebagai

pemimpin. Ia sudah menjadi suatu *waad* - bahawa seseorang itu harus taat dan patuh kepada mereka. (Ibn Khaldun, 1995:139)

Kepimpinan Raja-raja Melaka dari mula lagi telah diletakkan sebagai tidak boleh dipersoalkan lagi kerana raja-raja Melaka adalah raja yang dipilih oleh Tuhan sebagaimana sabda Nabi Khidir s.a;

"Ketahui olehmu, hai Raja Kida Hindi, bahwa raja kami inilah yang diserahkan Allah taala kerajaan dunia ini kepadanya, dari masyrik lalu ke maghrib, dari daksina datang ke paksina." (Shellabear, 1983:5)

Ini diperkuuhkan lagi melalui satu perjanjian atau dikenali sebagai *waadat* antara Sang Sapurba (mewakili raja-raja Melayu) dengan Demang Lebar Daun (mewakili rakyat). Antara lain rakyat dituntut memberikan kesetiaan yang tidak berbelah bahagi walaupun raja itu zalim. Menentang raja dianggap sebagai derhaka dan akan menerima hukuman yang amat berat sama ada daripada pemerintah mahupun daripada Tuhan. Sebagai contoh Sang Rajuna Tapa telah menderhaka dan dia serta isterinya telah menerima balasan daripada Tuhan, menjadi batu. Hang Jebat menderhaka kepada rajanya dijatuhi hukuman bunuh. Malah yang membunuhnya adalah sahabatnya sendiri, Hang Tuah. Kedudukan raja yang mutlak itu berjaya memperkuuh dan memperkuatkan kepimpinan dan kekuasaan raja Melaka, dan berjaya membina negeri Melaka sebagai sebuah negeri besar, kuat dan makmur.

Gambaran sedemikianlah yang dipaparkan oleh Tun Seri Lanang dalam *Sejarah Melayu*.

Sehubungan itu, bagi mencapai sebuah masyarakat yang selaras dengan konsep kebahagiaan (*al-saadah*) masyarakat berkenaan mestilah memiliki sifat-sifat terpuji menerusi penghayatan nilai-nilai murni dan menerusi perkara-perkara baik dan mulia. Perkara-perkara seperti harta kekayaan, darjat dan pangkat, dan keseronokan hawa nafsu seperti keseronokan seks bukan merupakan kebahagiaan sejati tetapi disangka sahaja kebahagiaan seandainya perkara-perkara itu sendiri dijadikan matlamat hidup di dunia dan tidak sebaliknya.³

Sultan Muzaffir Syah yang lebih mengutamakan negara dan bangsa daripada kepentingan diri sendiri sanggup mengorbankan kebahagiaan dirinya sendiri semata-mata untuk memastikan Melaka tidak mengalami kacau bilau akibat pergeseran politik antara Tun Perak dan Seri Nara Diraja. Pengorbanannya tidak sia-sia, Melaka menjadi makmur dan rakyat Melaka hidup dalam kebahagiaan. Tiada kebimbangan dan syak wasangka dan keadaan sedemikian berjaya membina Melaka menjadi negara yang kuat, makmur dan seterusnya dihormati serta disegani.

Melaka mencapai tingkat 'kekotaan' dan ini dibuktikan oleh *Sejarah Melayu* yang menyebut:

"Maka negeri Melaka pun makin makmur, masyhurlah kebesaran Melaka itu dari atas angin datang ke bawah angin. Maka segala Arab dinamainya *Malaqat*, yakni perhimpunan dagang". (A.Samad Ahmad, 1986:154)

Kedudukannya yang strategik itu menjadi laluan perdagangan maritim yang penting bagi negeri atas angin (barat) dan bawah angin (timur). Setelah menerima agama Islam, maka Melaka menjadi tumpuan pedagang-pedagang Islam yang menguasai jalan perdagangan pada masa itu. Selain itu ada juga pedagang-pedagang dari negeri-negeri lain terutamanya China, India dan kawasan serantau. Sebab itulah pedagang-pedagang Islam memanggil Melaka sebagai *Malaqat*, kerana banyak jenis dagangan yang dibawa oleh pedagang-pedagang dari "atas angin" mahupun di "bawah angin".

Tetapi pada penghujung abad ke-15 Melaka diperintah oleh Sultan Mahmud Syah. Baginda memerintah mengikut hawa nafsu dan akibat kezalimannya Melaka dengan mudah ditewaskan oleh Portugis. Kejatuhan Melaka itu adalah sejajar dengan konsep *waadat* antara Sang Sapurba dan Demang Lebar Daun, iaitu Tuhan akan memberi balasan yang setimpal ke atas sesiapa sahaja yang melanggar *waadat* itu. Raja

Iskandar Syah yang memerintah Singapura melakukan kezaliman ke atas rakyatnya, maka Singapura ditakluki Majapahit. Sultan Mahmud Syah menerima nasib yang sama apabila Melaka ditakluki Portugis kerana balasan ke atas kezalimannya.

Walaupun sejarah sesebuah tamadun itu tidak ubah seperti satu kitaran ataupun sebagai organisme hidup, namun perubahan dan perkembangannya banyak dibantu oleh hasil interaksinya dengan tamadun-tamadun lain. Melaka sebagaimana yang telah dibincangkan di atas, merupakan sebuah bandar pelabuhan entreport. Sesuai dengan kedudukannya itu, maka Melaka bukan sahaja dikunjungi oleh saudagar-saudagar yang datang dari pelbagai negara dan mewakili pelbagai tamadun, malah Melaka juga didatangi oleh tamadun-tamadun besar yang wujud di Asia ketika itu.

4.4. Interaksi dan Integrasi Dengan Peradaban Hindu-Buddha.

Sebelum pembentukan negara kota Melaka, nenek moyang raja-raja Melaka adalah berasal dari Palembang. *Sejarah Melayu* menyusurgalurkan nenek moyang raja-raja Melayu Melaka yang dikatakan berasal dari keturunan Raja Iskandar Zulkarnain. Hasil perkahwinannya dengan Tuan Puteri Syahrul Bariyah, maka lahirlah zuriat Raja Iskandar Zulkarnain, raja yang diberikan Allah kerajaan didunia ini dari masyrik ke maghrib, dari daksina ke paksina. Titisan

baginda yang dibawa oleh Raja Suran ke Alam Melayu telah melahirkan zuriat hasil perkahwinannya dengan Tuan Puteri Mahtabul Bahri, manusia dalam laut. Putera-putera baginda dikatakan menjelma di puncak Bukit Seguntang Mahameru, di Palembang. Sang Sapurba berkahwin pula dengan anak Demang Lebar Daun dan keturunan baginda yang menjadi raja-raja di Singapura dan kemudiannya di Melaka.

Dari segi sejarah, Palembang adalah pusat pemerintahan kerajaan Srivijaya yang memerintah pada abad ke-7 Masihi hingga ke abad ke-13 Masihi. Dalam masa yang panjang itu, Srivijaya telah berinteraksi dengan tamadun Hindu-Buddha. Tamadun inilah yang telah melakukan transformasi ke atas orang-orang Melayu daripada animisme kepada beragama Hindu-Buddha. Kepercayaan kepada roh dan hyang diganti dengan dewa-dewi, ketua dikatakan *devaraja*, adat istiadat Hindu menjadi amalan sehingga penduduk kota Melaka dilaksanakan. Antara contoh kesan pengislaman adalah undang-undang Hindu yang telah diubahsuai dengan terciptanya *Hukum Kanun Melaka* dan *Undang-undang Laut Melaka* yang merupakan campuran undang-undang Hindu-Buddha dan Islam.

Undang-undang Melaka lebih dikenali sebagai *Hukum Kanun Melaka*. Undang-undang ini dikatakan telah disusun selepas kemasukan Islam ke Melaka dan diperkemaskan oleh Sultan Muzaffir Syah (Shafie

Abu Bakar, 1997:17). Menurut R.O Winstedt, Kerajaan Melaka merupakan Kerajaan Melayu yang pertama yang menggubalkan undang-undang Melayu lama ini untuk dijadikan rujukan dalam menjalankan pemerintahan Kesultanan Melaka, kadangkala undang-undang ini diketepikan oleh sultan-sultan yang menjalankan pemerintahan mengikut kehendak sendiri (Ismail Hamid, 1987:222).

Undang-undang Melaka terbahagi kepada dua bahagian. Pertama undang-undang negeri, atau undang-undang darat, atau undang-undang kerajaan. Undang-undang ini ialah tentang perkara berlaku di darat, sungai, dusun dan di seluruh jajahan takluk negeri Melaka. Di samping itu Undang-undang Melaka ini juga menerangkan tentang tanggungjawab pembesar, hukuman awam dan jenayah. Bahagian yang kedua undang-undang ini ialah tentang undang-undang laut.⁴

Dari segi politik, boleh dikatakan bahawa menurut ajaran agama Hindu, Buddha ataupun Islam, raja merupakan institusi yang paling penting dalam pemikiran politik di Asia Tenggara, khususnya di kalangan masyarakat Melayu di Melaka. Mereka melihat raja sebagai punca atau kuasa yang menjamin atau sebaliknya kedamaian, kemakmuran dan kegemilangan masyarakat. *Sejarah Melayu* turut menekankan bahawa negara hanya wujud selagi wujudnya seorang raja yang berwibawa. (Kobkuasuwannathat-Pani, 1997:24).

4.5. Interaksi dan Integrasi Dengan Peradaban Cina.

Menurut Kobkuasuwannathat-Pian (1997:38);

"Sistem tributari yang diamalkan oleh China dalam hubungannya dengan Asia Tenggara juga berpengaruh terhadap prinsip dan pelaksanaan hubungan serantau. Sistem ini berpunca daripada budaya dan kefahaman bahawa China adalah satu-satunya masyarakat yang bertamadun, manakala semua negeri sekelilingnya di sebelah utara, barat dan selatan merupakan masyarakat gasar. China bertamadun sebab ia mengamalkan prinsip-prinsip akhlak yang diajar Konfusius dan dapat memaparkan "superioriti" itu melalui tulisan. Sebaliknya negeri-negeri lain merupakan masyarakat gasar kerana mereka tidak mengamalkan ajaran Konfusius."

Walau bagaimanapun, menurut *Sejarah Melayu* Raja Cina yang memulakan hubungan diplomatik dengan Melaka. Raja China telah mengirim sebuah kapal ke Melaka dengan hasrat agar Melaka tunduk ke China. Tetapi kerajaan Melaka mengutus Tun Perpatih Putih ke China dengan membawa sagu rendang, kononnya sagu itu dipungut daripada setiap rakyat Melaka. Tun Perpatih Putih berjaya memperlihatkan kebijaksanaannya dan berjaya menjaga imej raja Melaka maka akhirnya Raja China bersetuju untuk mengahwinkan puterinya Hang Li Po dengan Sultan Mansur Syah. Menurut *Sejarah Melayu* Puteri Hang Li Po ditemani oleh 500 orang pengiring dan mereka ditempatkan di Bukit Cina.

Hubungan antara Melaka-China telah ditentukan oleh dua faktor sejarah. Pertama, mereka datang ke Melaka sebagai pedagang sesuai dengan dasar perdagangan asing yang diamalkan oleh kerajaan China sendiri. Bilangan mereka yang yang telah menetap di Melaka tidak ramai berbanding dengan orang peribumi. Kedua, sejarah hubungan melalui perkahwinan yang berlaku antara wanita Cina yang telah menetap itu dengan orang Melaka sendiri ⁵.

Kehadiran mereka sedikit sebanyak telah mempengaruhi tamadun negeri Melaka. Umpamanya sehingga sekarang masjid yang dibina di Melaka mempunyai ciri-ciri arkitek Cina. Komuniti Cina yang menetap di Melaka telah mendirikan rumah-rumah persinggahan yang disediakan untuk pengunjung-pengunjung sekali sekala yang datang untuk bermiaga di Melaka.(Muhammad Yusoff Hashim,1987:310-311). Justeru itu, adalah dipercayai masyarakat Baba-Nyonya yang masih ada di Melaka ketika ini adalah berasal dari keturunan orang-orang Cina yang telah berhijrah ke Melaka pada abad ke-15.

4.6. Interaksi dan Integrasi Dengan Peradaban Arab-Islam.

4.6.1. Agama Sebagai Sumber Tenaga Membina Tamadun.

Arnold Toynbee dan Daisaku Ikeda telah berdialog mengenai perkembangan tamadun Timur dan permasalahan-permasalahan yang dihadapi oleh tamadun tersebut apabila bertembung dengan tamadun

Barat. Dalam dialog tersebut, Ikeda percaya bahawa faktor utama yang merangsangkan manusia untuk menggunakan masa dan hasil yang berlebihan bagi membina tamadun yang lebih bermakna adalah agama. Menurut beliau lagi, usaha pembina-pembina tamadun dan rancangan para pereka bentuknya mestilah bermula dari kesedaran ini. Hal-hal yang kepada manusia suatu kebolehan untuk memahami makna tujuan dan arah yang mesti mereka jalani adalah falsafah dan agama (Richard L. Gage, *et-al*, 1988:370).

Pada umumnya, budaya bermaksud cara hidup manusia. Pertembungan tamadun manusia selalunya melibatkan proses seperti seperti hubungan budaya melalui transmisi budaya yang terjadi melalui penyebaran dan akultrasi. Kedua-dua bentuk pemindahan budaya ini melibatkan bukan sahaja aspek pemindahan tetapi juga peminjaman dan pertukaran budaya. Hubungan budaya ini banyak membantu mempertingkatkan tamadun manusia.

Salah satu aspek budaya adalah agama. Ikeda percaya bahawa faktor utama yang merangsangkan manusia untuk menggunakan masa dan hasil yang berlebihan bagi membina tamadun yang lebih bermakna adalah agama. Menurut beliau lagi, usaha pembina-pembina tamadun dan rancangan para pereka bentuknya mestilah bermula dari kesedaran ini. Hal-hal yang kepada manusia suatu kebolehan untuk memahami

makna tujuan dan arah yang mesti mereka jalani adalah falsafah dan agama (Richard L. Gage, *et-al*, 1988:370). Sekiranya tamadun dilihat sebagai budaya yang lebih tinggi yang mempunyai nilai tinggi yang memantapkan dan memperkembangkan institusi kehidupan manusia (ekonomi, politik dan sosial) dalam satu jangka masa yang berterusan dan agak lama, maka nilai agama amat relevan terhadap pertumbuhan tamadun manusia. Ini kerana boleh dikatakan semua agama besar yang dianuti oleh manusia menekankan peri pentingnya sifat mulai seperti disiplin diri, tidak angkuh sesama manusia, tolong-menolong, sabar dan sebagainya. Semua sifat mulia ini akan menjuruskan manusia ke arah kebaikan, keamanan dan seterusnya kemajuan. Sekali gus, pemimpin yang kuat beramal dengan ajaran agama yang dianuti selalunya muncul sebagai pemimpin yang berwibawa. Tanggungjawab kepimpinan dilihat sebagai satu amanah dan beliau tidak akan menyalahgunakan kuasanya. Matlamat utama kepimpinannya adalah untuk memastikan wujudnya kesejahteraan di kalangan rakyat yang diperintahnya (Wan Abdul Rahman Latiff, 1996:35-36).

Orang Islam telah memberi sumbangan yang begitu besar terhadap peradaban dan tamadun manusia. Sumbangan yang paling besar ialah dari aspek agama kerana agama Islam membawa aqidah, iaitu kepercayaan terhadap Allah Yang Maha Esa. Menerusi aqidah, manusia bebas hidup tanpa ada sesuatu yang ditakutinya kecuali Tuhan.

Aqidah juga menjadi aspirasi bagi manusia untuk bekerja secara ikhlas dan jujur. Oleh sebab sifatnya sarwajagat dan tidak terikat dengan batas-batas bangsa, kaum, keturunan dan geografi menyebabkan agama Islam dapat diterima oleh semua bangsa di dunia⁶.

Dua penyakit sosial yang lumrah dalam tamadun adalah perperangan dan ketidakadilan sosial. Agama merupakan daya spiritual yang telah menyatukan masyarakat bertamadun untuk suatu jangka waktu sungguhpun terdapat pengurangan tenaga hidupnya yang disebabkan oleh dua penyakit sosial yang membawa maut itu (Richard L. Gage, *et-al*, 1988:372). Menurut Toynbee, tiap-tiap kali sekumpulan manusia kehilangan kepercayaan pada agamanya, tamadunnya akan tunduk kepada perpecahan sosial dalam negeri dan kepada serangan tentera luar negeri. Tamadun yang jatuh akibat kehilangan kepercayaan keagamaan, kemudiannya diganti oleh tamadun baru yang diilhamkan oleh agama yang berbeza. Kerajaan Srivijaya telah merosot selepas diserang oleh Raja Cola. Pengaruh agama Hindu-Buddha di kalangan masyarakat Melayu turut merosot. Ini memudahkan penyibaran agama Islam yang datang selepas kejatuhan Kerajaan Srivijaya. Malah kemuncak penyibaran agama Islam di Kepulauan Melayu berlaku pada masa pemerintahan Kesultanan Melayu Melaka. Agama Islam menggantikan ajaran agama Hindu-Buddha, kecuali di beberapa buah tempat seperti di Bali.

4.6.2. Agama Islam di Melaka.

Saudagar-saudagar Arab-Parsi telahpun sampai ke Asia Tenggara sebelum pembukaan Melaka lagi. Agama Islam telahpun berkembang secara beransur-ansur di beberapa tempat dan ini dapat dibuktikan melalui batu-batu bersurat dan batu nisan yang ditemui. Sebagai contoh Batu Bersurat Kuala Brang, Kuala Terengganu bertarikh 1303 ditulis dengan tulisan Jawi menerangkan tentang undang-undang Islam.

Pembukaan Melaka telah mendorong saudagar-saudagar Islam untuk berkunjung ke Melaka. Maulana Jalaluddin telah datang ke Melaka semasa pemerintahan Sultan Muzaffir Syah. Beliau telah membantu Sultan Muzaffir Syah merampas kuasa. Manakala Sidi Arab telah menggunakan panah ajaibnya untuk menghalang serangan Siam yang dipimpin oleh Cau Pandan. Pendek kata kedatangan orang-orang Arab-Parsi ini bukan sahaja berjaya menyebarkan agama Islam malah mengukuhkan kepercayaan masyarakat Melayu itu terhadap agama Islam dengan cara:

- i. Orang-orang Melayu percaya bahawa orang-orang Arab-Parsi adalah keramat dan sakti. Ini dapat dilihat daripada peristiwa Sidi Arab membunuh Cau Pandan dengan menggunakan panah ajaibnya itu.

- ii. Kitab-kitab tasawuf dan sufisme berperanan untuk mengukuhkan keimanan penganut-penganutnya. Kehadiran Maulana Abu Bakar dan Maulana Sadar Jahan yang mengajar tasawuf dan sufisme bukan sahaja menaikkan imej Melaka tetapi juga memperkuatkan keimanan. Sultan Mahmud Syah yang terkenal dengan kezaliman dan nafsu seksnya yang melampau itu telah meninggalkan kegiatan duniawi dan menyerahkan takhta kepada puteranya kerana baginda mahu beribadat dan mempelajari tasawuf daripada Maulana Sadar Jahan. Hang Tuah pula telah dijatuhi hukuman bunuh tetapi telah diselamatkan oleh Seri Nara Diraja. Menurut *Hikayat Hang Tuah*, Hang Tuah tinggal di Hulu Melaka dan di sana beliau mempelajari dan mendalami agama Islam. Apabila telah tua *Hikayat Hang Tuah* menceritakan bahawa Hang Tuah sudah tidak memerdulikan hal duniawi sebaliknya duduk bertapa di dalam gua. Tanpa Hang Tuah Melaka dengan mudah ditewaskan.
- iii. Manakala *Sejarah Melayu* menggambarkan suasana masyarakat Melaka yang sedang hidup dalam kemewahan, kemakmuran dan sedang berlaku keruntuhan moral sama ada di kalangan rakyat maupun di kalangan raja sendiri. Sultan Mahmud yang terkenal dengan kezaliman dan nafsu seksnya yang luar biasa itu telah menyebabkan rakyat terbanyak membencinya sehingga dicipta cerita lisan Meminang Puteri Gunung Ledang.⁷

Pada teorinya, kedudukan seorang raja Islam dalam geokosmologi politik dan agama Islam, adalah yang tertinggi sekali dan tidak dapat dipertikaikan. Baginda hanya bertanggungjawab kepada Tuhan tentang segala kegiatan baginda di dunia ini. Tiada satupun kuasa di dunia ini yang dapat membuat tuntutan terhadap seorang raja yang berdaulat iaitu yang telah direstui oleh Tuhan. Baginda merupakan sumber segala kuasa di dalam masyarakatnya: politik, ekonomi dan rohani. Raja juga dilihat sebagai hidup atau mati sesuatu masyarakat. Melalui wasiat raja-raja dan pembesar-pembesar negeri, Tun Seri Lanang memberikan peringatan kepada raja-raja berikutnya supaya bertanggungjawab dan menjalankan tugas dengan adil. Sultan Alauddin Riayat Syah memberi wasiat kepada puteranya Raja Mamad (Sultan Mahmud);

“...Dan segala anak Melayu bagaimanapun besar dosanya, jangan olehmu diaifi dia, dan sampai kepada hukum syarak dosanya derhaka, bunuhlah; kerana segala Melayu itu ketanahanmu, seperti kata Arab *Al-'abdi tinu'l-maulahu*, yang hamba itu tanah tuhannya. Jikalau engkau bunuh ia tiada dengan dosanya, bahawa kerajaanmu binasa.” (A.Samad Ahmad:187).

4.7. Kesimpulan.

Dari segi geografi Melaka terletak pada kedudukan yang sangat strategik terutama dari segi perdagangan. Kedudukannya yang sedemikian diikuti pula dengan pemimpin yang berkebolehan, maka

Melaka muncul sebagai sebuah kuasa baru di Asia Tenggara. Melaka muncul sebagai sebuah kota perdagangan yang didatangi oleh berbagai-bangsa dari atas angin (barat) dan dari bawah angin (timur). Manakala bangsa Melayu yang berkuasa di Melaka, merupakan sebuah bangsa yang terbuka. Sifat keterbukaannya itu memudahkannya menyerap dan mengubahsuai unsur-unsur tamadun yang ditemui. Sebelum kedatangan agama Islam, orang-orang Melayu menganut agama Hindu-Buddha. Setelah lebih seribu tahun barulah datang agama Islam dan apabila rajanya memeluk agama Islam maka para pembesar dan rakyat pun ikut serta. Dalam tempoh yang singkat Melaka muncul sebagai pusat penyibaran agama Islam. Ini terbukti daripada beberapa peristiwa seperti yang dibincangkan di atas.

Faktor migrasi dan pemindahan kebudayaan adalah juga penting dalam menjamin peningkatan tamadun manusia. Melalui penaklukan dan aktiviti perdagangan pertukaran budaya berlakulah asimilasi budaya. Dalam hal-hal tertentu berlakunya pertembungan budaya yang tidak semestinya mempunyai implikasi yang negatif tetapi juga positif.

Kedudukan geografi juga penting bagi sesuatu tamadun terutama yang terdedah kepada serangan musuh-musuhnya. Srivijaya yang didirikan pada pertengahan abad ke-8 telah diserang oleh Raja Cola. Srivijaya menjadi lemah dan tempatnya diambil alih oleh Majapahit.

Manakala kota Melaka yang dibina pada awal abad ke-15 berjaya bertahan selama kira-kira satu abad lamanya. Melaka ditaluk oleh Portugis pada tahun 1511.

Nota-nota Hujung Bab 4.

1. Nabi Khidir digolongkan sebagai tokoh legenda antara bangsa. Watak ini sangat popular di kalangan masyarakat Melayu terutama yang tinggal di kampung-kampung atau pedalaman. Mereka percaya watak ini masih hidup dan sentiasa membantu umat Islam yang di dalam kesusahan.
2. Walaupun konsep *assabiyah* itu dihubungkan dengan masyarakat Badwi, namun prinsip *assabiyah* itu perlu dilihat sebagai alat mengukuhkan sesebuah tamadun. Menurut Ibn Khaldun, semangat *assabiyah* menjadi dasar utama kepada pembentukan sesebuah tamadun. Semangat ini menjadi ikatan dalam perhubungan antara anggota masyarakat dengan pemimpinnya. Lihat tulisan Indriaty binti Ismail dalam Kamaruddin Salleh dan Ahmad Sunawari Long, 1996:72.
3. Untuk keterangan lanjut sila lihat Osman Bakar. *Agama dan Budaya Teras Masyarakat Madani* dalam MINDS. 1998: 53-61. Beliau menyentuh pembentukan masyarakat *madani* hanya tercapai jika manusia memperolehi kebahagiaan sejati. Manusia *madani* inginkan kesempurnaan dan kebahagiaan bukan sahaja bagi dirinya, bagi ahli keluarganya tetapi bagi semua manusia.
4. Beberapa orang sarjana tempatan dan luar negeri telah mengkaji aspek perundangan Melayu tradisional. Antara tokoh-tokoh tersebut ialah R.O.Winstedt, Wilkinson, Liaw Yoke Fang, M.B.Hooker dan Abu Hassan Sham. Secara ringkas undang-undang ini memberi penekanan kepada:
 - a. Keistimewaan sultan dan pembesar. Contohnya, warna kuning untuk pakaian hanya dikhaskan kepada sultan sahaja;
 - b. penggunaan alat-alat diraja;
 - c. hukuman jenayah;
 - d. hutang;
 - e. harta penyewaan tanah dan sebagainya.

Hukuman bagi setiap kesalahan adalah keras. Hukuman mati akan dijatuhan bagi kesalahan membunuh, menikam, memukul, mencuri dan menderhaka.

Manakala Undang-undang Laut Melaka disusun supaya pelayaran perdagangan lebih terjamin dan teratur. Menurut undang-undang itu, sebuah kapal diumpamakan sebagai sebuah negeri yang mempunyai raja (nakhoda), bendahara (pengemudi), temenggung (jurubatu) dan rakyat (anak kapal)

5. Muhammad Yusoff Hashim, (1989:310-320) memberikan penerangan terperinci mengenai peranan dan sumbangan orang-orang asing terhadap sistem perdagangan yang diamalkan di Melaka pada abad ke-15. Beliau menerangkan, pada amnya, 'orang asing' diistilahkan sebagai 'orang dagang' atau 'orang perantau' terdiri dari dua jenis.
- i. Mereka yang terlibat dalam berbagai-bagai kegiatan sosial seperti menjadi tentera upahan kerajaan Melaka yang kebanyakannya terdiri daripada orang Jawa dan Pasai.
 - ii. Mereka yang dalam berbagai-bagai kegiatan ekonomi, menjadi pedagang secara kecil-kecilan sehingga ke peringkat pemborongan dan perniagaan secara besar-besaran dan menjadi saudagar yang kaya-raya.
6. Selain daripada itu, agama Islam juga menyediakan undang-undang dan peraturan hidup manusia yang dinamakan "undang-undang syariat" yang sesuai dilaksanakan setiap masa dan tempat. Sekiranya aqidah menjadi aspirasi dan motif penggerak ke arah tamadun, maka peranan syariat ialah menunjuk ajar serta memberi kaedah yang jelas kepada asas pembinaan tamadun. Antara asas itu ialah ilmu, iman dan amal. Ini ditambah pula dengan akhlak, iaitu asas ke arah pembinaan peribadi yang luhur (Wan Abdul Rahman Latiff, 1996:73)
7. Cerita ini cuba menyindir kezaliman Sultan Mahmud. Baginda memerintahkan supaya dipinang Puteri Gunung Ledang kerana "Jikalau kita hendak beristerikan sama anak raja, raja yang lain adalah; yang kita kehendaki barang yang tiada pada raja-raja yang lain, itulah yang hendak kita peristeri. Akan sekarang kita hendak menyuruh meminang Puteri Gunung Ledang; Laksamana dan Sang Setialah kita titahkan." (A.Samad Ahmad,1983:213) Unsur sindiran di atas kekejaman Sultan Mahmud dapat dilihat daripada syarat-syarat yang dikenakan oleh Puteri gunung Ledang itu sendiri. Misalnya jambatan emas dari Melaka ke puncak Gunung Ledang, air mata perempuan, hati nyamuk, air pinang muda dan darah anak raja dan raja semangkuk seorang. Sultan Mahmud dikatakan bersetuju dengan semua syarat tersebut. Walau bagaimanapun baginda akhirnya membantalkan hasrat untuk mengahwini Puteri Gunung Ledang kerana tidak sanggup menyediakan darah seperti yang dipinta.